

## **BAB 2: Ulasan Kesusasteraan**

### **2.1 Pendahuluan**

Kedua-dua agensi berita iaitu tempatan dan asing ini mempunyai kebebasan memilih skop pelaporan bersesuaian dengan kehendak golongan sasaran. Kewujudan agensi media asing ini perlu juga diberi perhatian positif kerana ia membantu dalam usaha mendidik masyarakat melalui laporan berkualiti serta mendapatkan maklumat terkini berhubung perkembangan semasa membabitkan isu politik dan ekonomi setempat dan antarabangsa.

Walaupun kehadiran wakil media asing ada kalanya tidak disenangi tetapi, kehadiran mereka diperlukan untuk melaporkan perkembangan terkini kepada pembaca seluruh dunia. Kepentingan media asing juga mempunyai kaitan dengan kajian kerana ia turut memberi dua gambaran yang berbeza di antara fungsi media tempatan dan asing.

Jika media tempatan berfungsi sebagai penyebar maklumat dan agen perubahan kepada masyarakat, namun kehadiran wartawan asing diperlukan kerana mereka diharap dapat memberi gambaran sebenar mengenai isu politik, ekonomi dan sosial masyarakat untuk dimaklumkan kepada pembaca seluruh dunia. Ia sekali gus membantu negara untuk menarik lebih ramai pelabur asing melabur di sini dan terus meningkatkan ekonomi.

Kewujudan agensi berita antarabangsa di sini, mempunyai kepentingan kepada perkembangan ekonomi negara terutama dalam usaha menyediakan laporan berhubung perkembangan ekonomi dan situasi politik negara. Ia membantu kerajaan dalam usaha menambah pelabur asing ke negara ini, selain menarik pelancong dan seterusnya meningkatkan industri pelancongan negara.

Tidak dapat dinafikan bahawa agensi media barat mendahului agensi media di negara membangun seperti Malaysia dalam banyak bidang, khasnya perkembangan ekonomi, bahasa, sistem politik mahupun penyebaran maklumat dan komunikasi.

Kemajuan negara barat dalam bidang sains, perubatan dan teknologi yang diperolehi ketika zaman Renaissans dan Revolusi Perindustrian menjadikan mereka muncul sebagai sebuah negara yang begitu kuat dan berkuasa berbanding negara dunia ketiga yang dianggap lemah daripadanya.

Kekayaan yang diperolehi daripada perkembangan pesat itu menjadikan mereka berkuasa dan muncul sebagai negara maju dan mampu menakluk negara di benua Asia dan Afrika. Pengaruh dunia barat terhadap ekonomi dan kuasa turut memberi kesan kepada penguasaan dalam pengaliran maklumat dan dapat menentukan agenda.

Pengaliran maklumat dari negara barat ini dapat disalurkan kepada dunia ketiga berdasarkan kepada sikap dan nilai yang dipegang oleh sesebuah organisasi berkenaan yang bertapak lebih 100 tahun lalu.

Kemajuan negara barat dalam bidang sains, perubatan dan teknologi yang diperolehi ketika zaman Renaissans dan Revolusi Perindustrian menjadikan mereka muncul sebagai sebuah negara yang begitu kuat dan berkuasa berbanding negara dunia ketiga yang dianggap lemah daripadanya.

Kekayaan yang diperolehi daripada perkembangan pesat itu menjadikan mereka berkuasa dan muncul sebagai negara maju dan mampu menakluk negara di benua Asia dan Afrika. Pengaruh dunia barat terhadap ekonomi dan kuasa turut memberi kesan kepada penguasaan dalam pengaliran maklumat dan dapat menentukan agenda.

Pengaliran maklumat dari negara barat ini dapat disalurkan kepada dunia ketiga berdasarkan kepada sikap dan nilai yang dipegang oleh sesebuah organisasi berkenaan yang bertapak lebih 100 tahun lalu.

## **2.2 Kesan terhadap ketidakseimbangan maklumat**

Ketidakseimbangan pengaliran maklumat di antara negara maju dan membangun terutama di negara dunia ketiga memberi kesan negatif dalam usaha kerajaan negara terbabit menjalankan usaha pembangunan. Lazimnya, media di negara maju kurang memberi gambaran sebenar mengenai keadaan politik dan ekonomi negara di dunia ketiga. Hanya berita kelemahan sistem pentadbiran serta ketidakstabilan ekonomi saja diberi tumpuan dalam laporan mereka.

Media barat mendakwa media di negara dunia ketiga tidak mencapai kebebasan bersuara berbanding mereka. Suara tidak puas hati yang diluahkan oleh media di negara membangun sebelum ini meminta supaya media barat lebih seimbang dalam laporannya terhadap dunia ketiga dipandang sepi. Usaha mewujudkan keseimbangan maklumat melalui penubuhan New World Information Order (NWIO) ternyata gagal mencapai kata sepakat untuk tujuan itu.

Penolong Pengarang Kumpulan *Berita Harian* Mior Kamarul Shahid dalam rencana di ruangan minda pengarang 21 Mei 1996 menyatakan bahawa:

"Pengamal media di barat tidak berganjak dengan pendirian mereka walaupun kita mencemuh mereka hampir setiap hari. Bagi mereka kebebasan bermaklumat adalah suatu konsep yang abstrak."

Mior dalam kenyatannya secara sinis berpendapat bahawa, penubuhannya jelas berfungsi sebagai mengukuhkan imperialisme budaya atas nama kebebasan akhbar, kebebasan maklumat dan hak untuk mengetahui corak liputan media barat mengenai dunia ketiga termasuk Malaysia yang dikritik hebat oleh banyak pihak.

Mior menyifatkan sikap barat yang berpegang kuat kepada keinginan untuk mengetahui dalam semua bidang menjadikan mereka sebagai kelompok masyarakat yang sentiasa mencari peluang mengetahui sesuatu perkara itu sama ada ia positif atau negatif. Sikap ingin tahu itu turut menjadikan mereka sebagai bangsa yang sentiasa ke hadapan dalam pelbagai bidang dan bertindak untuk menguasai dunia dengan ilmu dan pengetahuan yang diperolehi.

Hunt (1992) dan Syed Arabi Idid (1989) dalam kajian mereka mendapati liputan media barat di negara membangun lebih tertumpu kepada aspek bencana alam, berita dan isu negatif serta kontroversi. Laporan memfokuskan konflik atau masalah dalaman sesebuah negara. Ia memaparkan imej negatif selari dengan label yang dikenakan kepada negara sedang membangun. Laporan mengenai kestabilan politik dan kemajuan ekonomi di negara ketiga biasanya tidak menjadi berita utama media negara maju.

Sarjana komunikasi dari University of Conventry United Kingdom berkata bahawa:

*"Information is a double-edged weapon: Used well, it can only be beneficial, used badly, it can spell catastrophe for the country".*

(Daya Kishan Thussu: 1997)

Laporan Sarjana Ezhar Tamam (1996), kajian dalam peranan majalah *Far Eastern Economic Review (FEER)*, *Asiaweek* dan *The Economist* mendapati laporan yang dikemukakan oleh ketiga-tiga majalah berkenaan mengandungi lebih banyak persamaan dari segi persembahan dan bentuk laporan yang ditulis. Tulisan melaporkan mengenai keadaan politik dan ekonomi mengenai Malaysia.

Kajian Ezhar ini mendapati, persamaan yang terkandung membabitkan isu hubungan perdagangan, pelaburan, hubungan antarabangsa, kerjasama ekonomi serantau dan global serta politik domestik. Wujudnya persamaan di antara ketiga-tiga majalah berikut ia dimiliki oleh tiga agensi media yang dipunyai oleh syarikat persendirian yang beroperasi mengikut ideologi kewartawanan Barat. Kajian Ezhar ini menunjukkan peratusan yang tinggi terhadap liputan berita politik dan kerajaan yang boleh ditafsirkan bahawa banyak perkara dipolitikkan atau dikaitkan dengan politik, sama ada oleh kerajaan, pembangkang atau media dan wartawan sendiri.

Kajian Ezhar mendapati ketiga-tiga majalah itu lebih berorientasikan konflik dalaman di sebuah negara membangun. Penemuan itu dianggap Ezhar sebagai dijangka akan berlaku kerana organisasi media ketiga-tiga majalah ini tidak mempunyai tanggungjawab sosial kepada Malaysia ketika membuat liputan. Ezhar dalam kajiannya merumuskan bahawa media antarabangsa juga dikatakan bersikap *ethnocentric* (sikap menebal bahawa budaya barat paling unggul). Ezhar menyifarkan penemuan kajian ini walaupun tidak menghairankan tetapi membimbangkan.

Ini kerana corak liputan sedemikian boleh menimbulkan implikasi yang negatif terhadap Malaysia. Penemuan ini jelas menyokong bahawa majalah *FEER*, *Asiaweek* dan *The Economist* kurang memainkan peranan menyokong kerajaan dalam usaha membangunkan negara.

Merill (1993) pula mendedahkan bagaimana media di negara membangun menjadi mangsa media barat. Industri media di negara membangun sememangnya tidak dinafikan menghadapi keadaan yang kritikal. Pengaliran maklumat yang dikuasai syarikat antarabangsa seperti Associated Press (AP), United Press International (UPI), Reuters dan Agence France Presse (AFP) menyebabkan agensi media di negara membangun menghadapi ketidaaan maklumat yang mencukupi di seluruh dunia. \*

Media barat memberi maklumat yang lebih tentang negara maju berbanding negara membangun. Satu lagi kritikan dalam banyak berita negara membangun biasanya berbentuk negatif dan kurang adil serta menggunakan perspektif penekanan dan penyiaran yang berbeza. Malaysia sebagai sebuah negara Islam juga tidak terkecuali daripada menghadapi kesan imperialism daripada negara maju.

Said (1981) melakarkan pertentangan agama dan politik antara Kristian Eropah dan Islam yang menjadi latar belakang wajah barat yang muram, sinis dan gelisah terhadap gejala kebangkitan Islam masa kini. Said mendedahkan bagaimana barat terutama Amerika Syarikat memutarbelitkan pemberitaan mengenai dunia Islam dan pemimpinnya. Barat menggunakan apa saja pendekatan untuk mengekalkan kekuasaan mereka. Bagi tujuan itu, media menjadi wahana secara halus yang mampu menguasai psikologi minda orang yang dikuasainya.

Tuah Iskandar (1990), menyatakan bahawa teori akhbar Yahudi ialah mendedahkan seberapa banyak cerita rekaan mengenai keburukan dunia Islam dan pemimpin mereka. Pemimpin Islam dianggap sebagai penentang pergerakan Zionis yang perlu dihapuskan. Pemimpin dunia Islam dianggap sebagai *terrorist* (pengganas), *aggressors* (pelampau) dan *separatist* (pemisah).

Kajian mengaitkan ketidakseimbangan maklumat di antara negara maju dan negara membangun turut dipengaruhi oleh pemilikan akhbar itu sendiri. Seperti yang diketahui, Reuters yang dimiliki oleh Yahudi menguasai pengaliran berita di dunia. Penguasaan itu membolehkan mereka secara terus-terusan mendedahkan seberapa banyak keburukan dunia Islam dan pemimpinnya dan mengagung-agungkan pemimpin mereka sendiri. Ini memandangkan sebahagian besar daripada pemimpin negara dunia ketiga adalah di kalangan pemimpin Islam.

Schliefer (1984) merumuskan sikap agensi media barat terhadap negara Islam. Katanya, empat gergasi besar media barat yang dikenali *The Big Four* iaitu Reuters, AP, AFP dan UPI hanya menganggap berita yang ada nilai Islam apabila sesuatu kejadian atau peristiwa itu membabitkan pembunuhan, penculikan dan penghinaan.

## 2.3 Kebebasan akhbar

Wartawan vateran negara, Tan Sri A Samad Ismail secara peribadinya berpendapat bahawa, kebebasan akhbar yang dipopularkan oleh dunia barat biasanya diklasifikasikan sebagai akhbar yang berani mengecam kerajaan. Jika sesebuah akhbar itu menyiarkan apa saja berita tanpa memikirkan kesannya kepada masyarakat ia dianggap bebas.

Ini dapat dilihat melalui liputan akhbar luar negara yang secara langsung mengkritik kerajaan. Tindakan mereka tidak memberi tumpuan kepada tanggungjawab sosial dan kestabilan politik serta ekonomi negara terbabit. Media barat berpendapat bahawa kebebasan akhbar adalah perkara yang mesti dilaksanakan di sesebuah negara demokrasi. Mereka melihat sekatan terhadap wujudnya kebebasan akhbar sama dengan usaha mengabdikan manusia lain.

*"It is fact that the world's communication system is dominated by western institutions. The reasons for this imbalance are partly historic at one time, much of the third world was under the control of western nations and it is partly inevitable that those with greater power tend to exercise greater influence"*

(Legum, Colin & John Cornwall: 1978)

Kebebasan akhbar bergantung kepada beberapa faktor supaya ia dapat wujud secara bebas. Safar Hashim (1996), menyatakan bahawa kerajaan bukan penentu kepada kebebasan akhbar, tetapi ia dipengaruhi oleh beberapa faktor lain. Kajian menggunakan pendekatan perspektif kuasa terhadap perkembangan media dalam tempoh 200 tahun (1806-1990).

Beliau menjelaskan kebebasan akhbar bergantung kepada perubahan pemerintahan. Pada 1906, negara ini dikuasai Gabenor, iaitu di bawah pemerintahan penjajahan Inggeris. Ketika pemerintahan itu, ciri penguasaan terhadap akhbar adalah ketat.

Pada zaman peralihan ketika negara menuju kemerdekaan, (1946-1957), kebebasan akhbar yang digerakkan pertubuhan politik Melayu atau UMNO sudah mulai wujud walaupun terkawal. Oleh sebab rakyat negara ini memilih sistem demokrasi berperlembagaan, kebebasan akhbar juga mencerminkan pemilihan itu. Tanpa menafikan kepentingan kebebasan berkuasa terhadap makna demokrasi.

Safar dalam kajianya mendapati sudah menjadi kebiasaan di dunia ketiga, media dikuasai pihak parti yang memerintah demi menjaga keutuhan nasional dan perpaduan kebangsaan. Kepentingan pemerintah dan masyarakat diambil kira dalam sebarang penyiaran berita atau laporan

Pengerusi Jawatankuasa Aduan Akhbar United Kingdom, Lord Wakeham berpendapat kewujudan undang-undang untuk memberi kebebasan bersuara wujud selepas Revolusi Industri di Eropah yang memunculkan kumpulan kelas menengah.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berpendapat bahawa, kebebasan akhbar tidak dikecapi jika ia menentang kerajaan kerana takut kepada pihak tertentu di luar kerajaan atau takut ia tidak popular dan tidak laris.

Walau bagaimanapun alasannya, ideologi ini akan terus diperjuangkan di seluruh dunia. Piagam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) yang ditandatangani Setiausaha Agungnya, Kofi Annan dan Pengerusi Jawatankuasa bagi Kebebasan Akhbar Dunia, James Ottaway menyatakan *A free press means a free people* (Kebebasan akhbar bermakna kebebasan manusia).

Secara teorinya, kebebasan akhbar adalah sesuatu yang harus diperjuangkan setiap insan. Bagaimanapun disebabkan makna kebebasan sangat abstrak dan relatif untuk mewujudkannya secara amali, takrif kebebasan akhbar yang digunakan di negara ini perlu jelas dan praktikal.

Malaysia sebagai sebuah negara membangun di mana masyarakatnya menuju ke arah celik media sedang mengorak langkah menikmati kebebasan akhbar sepenuhnya secara berperingkat. Kebebasan akhbar mula dicapai dalam tempoh tiga tahun lalu, ketika negara mencapai pertumbuhan ekonomi yang sungguh baik. Kerajaan memberi permit penerbitan akhbar dan majalah kepada syarikat pernebitan yang dimiliki secara langsung oleh individu atau badan yang secara langsung menyokong parti pembangkang. Melalui pemberian permit itu, wujud terbitan seperti majalah *Tamadun*, selain akhbar *Harakah* yang diberi permit lebih awal daripada itu.

Kedua-dua terbitan itu kini menjadi bahan bacaan alternatif kepada pembaca selain bergantung maklumat daripada akhbar utama. Bagaimanapun pemberian hak menerbit akhbar kepada syarikat penerbitan dan parti pembangkang di negara ini masih tertakluk kepada peraturan dan akta penerbitan negara.

Terdapat kira-kira 47 undang-undang berkaitan media cetak di negara ini. Antaranya, Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984, Akta Rahsia Rasmi (OSA) Pindaan 1986 dan Akta Hasutan 1948. Kesemua akta ini bertujuan memastikan kebebasan akhbar itu tidak disalahgunakan pihak tertentu dengan membangkitkan isu sensetif yang boleh menggugat kestabilan negara.

Kewujudan peraturan itu bersesuaian dengan keadaan semasa demi menjamin kestabilan politik dan ekonomi di sebuah negara demokrasi yang terdiri daripada pelbagai kaum dan keturunan. Dalam keadaan biasa iaitu sebelum kegawatan ekonomi dan politik, akhbar tempatan hampir mencapai tahap berkenaan. Ada berita yang bersifat memberi maklumat dan ada yang mengkritik kerajaan. Perkembangan ini dijangka terus berlangsung dan semakin positif.

Dr Chandra Muzafar (1998) menyatakan akhbar tidak lagi berfungsi dengan sebenarnya pada alaf akan datang jika kebebasan bersuara dihadkan. Asas kepada pandangan ini perlu diteliti supaya kebebasan yang hendak diperjuangkan tidak merosakkan keamanan yang sedia wujud di negara ini.

*"Freedom and Beyond: Fear the man who feels himself a slave, he'll want to make a slave of you".* (John Holt:1972), (Takutilah seseorang yang berasa dirinya seorang hamba kerana orang itu akan menjadikan anda hambanya).

Kesimpulannya, kebebasan akhbar dan sikap bertanggungjawab perlu menjadi asas perjuangan semua. Ia perlu selari dengan usaha membebaskan diri daripada belenggu kejahilan, kebolehan menyatakan rasional terhadap prinsip hidup dan memantapkan amalan demokrasi.

## 2.4 Kesan imperialisme budaya

Kemasukan maklumat sehala dari negara maju ke negara membangun memberi impak yang sangat kuat kepada umum. Melalui pengaliran maklumat yang tidak seimbang, pendekatan *ethnocentric* yang diamalkan barat dapat dikembangkan ke negara membangun. Ia sekali gus mempengaruhi *audiens* di negara membangun untuk lebih mempercayai bahawa apa yang dibawa dari barat itu semuanya adalah yang terbaik.

Banyak kritikan yang menyatakan bahawa perkhidmatan berita menjadi satu gejala budaya yang bercorak imperialisme. Selain itu, media dan kerajaan negara membangun juga mengkritik bahawa gejala *ethnocentrism* barat menghasilkan satu aliran maklumat yang tidak seimbang.

Media barat memberi maklumat yang lebih terhadap peristiwa yang berlaku di kebanyakan negara maju berbanding negara membangun. Satu lagi kritikan adalah kebanyakan berita negara membangun biasanya berbentuk negatif dan kurang adil serta menggunakan perspektif penekanan dan penyiaran yang bebeza. Cara laporan hanya memberi satu contoh terhadap negara membangun dan rakyatnya. Berita yang tidak tepat itu boleh menggugat usaha meningkatkan ekonomi oleh kerajaan.

Salleh Majid (1995), menyatakan laporan majalah *Times* ada menyiaran berita yang mendakwa bahawa pengganas Islam mendapat latihan ketenteraan di Malaysia. Cable News Network (CNN) sebuah stesen televisyen seluruh dunia yang begitu popular misalnya jarang sekali membuat liputan pasaran saham negara ini melalui ringkasan pasaran saham Asia mereka, walaupun negara lain seperti Singapura dan Bangkok yang lebih kecil pasarannya diberi liputan.

*International Herald Tribune* dan *Asian Wall Street Journal* adalah dua akhbar antarabangsa juga kurang sekali memberikan liputan yang wajar mengenai suasana perniagaan dan perkara am di negara ini. Secebis berita di akhbar *New York Times* pernah memberi amaran kepada rakyat Amerika mengenai betapa tidak selamatnya berkunjung ke Sabah kerana kekacauan kaum yang berlaku. Banyak lagi contoh berat sebelah yang dipaparkan oleh media barat mengenai negara kita dan rakyatnya.

Melalui pengalaman yang lepas kita dapat perhatikan betapa berita mengenai bahaya minyak kelapa sawit, balak dan kaum Penan yang tertindas dan sebagainya boleh diputarbelitkan. Bagi mengatasi masalah ini, Salleh berkata, wajarlah usahawan kita yang mempunyai kepentingan di merata tempat di dunia memikirkan cara bagaimana mereka boleh menguasai alat media massa antarabangsa. Itu sajalah cara yang dapat kita membentangkan cerita untuk tatapan dunia.

Tindakan jutawan Australia Rupert Murdoch membeli stesen televisyen di Eropah, Britain dan Amerika Syarikat serta menguasai sebahagian besar rangkaian sebaran am dunia dengan sendirinya menguasai pemikiran mereka yang menonton dan membaca alat itu.

Dengan hakmilik yang ada padanya, dia boleh mempengaruhi berita dan lidah pengarang alat media berkenaan. Terpulang kepadanya di sebelah mana kecenderungannya mengenai sesuatu isu di dunia sekarang.

Tunstall (1977), menyatakan bahawa secara sedar atau tidak, agensi berita dunia yang menguasai 80 peratus aliran maklumat sejagat menyebarkan berita dan maklumat mengikut kepentingan kaca mata Anglo-Amerika. Jauh sekali akhbar barat mengambil kepentingan dunia ketiga, lebih-lebih lagi pandangan dunia Islam.

Wujud ketidakseimbangan maklumat itu dalam laporan mengenai perbicaraan bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim. Akhbar *The Sunday Telegraph* menggambarkan Anwar menjadi mangsa kekejaman sistem perundungan yang zalim dan tidak berperikemanusiaan. Sentimen akhbar itu turut dikongsi bersama oleh agensi media asing yang berpangkalan di Kuala Lumpur. Media asing meramalkan bahawa keputusan hakim pada 14 April 1999 akan mendapati Anwar bersalah. Agensi berita Reuters dalam analisisnya dua hari sebelum mahkamah membuat keputusan memberitahu pembacanya bahawa apa juga keputusan hakim ianya akan membentuk masa depan politik Malaysia.